

07/05/2001

Mahathir minta rakyat bantu pihak berkuasa tangani jenayah

Tuan Nazri Tuan Ismail

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyeru rakyat supaya memberi kerjasama kepada pihak berkuasa, khususnya polis dalam usaha mencegah jenayah.

Perdana Menteri berkata, orang ramai perlu memberi maklumat dan sedia menjadi saksi bagi sesuatu kes jenayah bagi memudahkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka yang melakukan jenayah.

Katanya, tanpa kerjasama itu pasukan keselamatan sukar menjalankan tugas dan menangkis semua kegiatan jenayah.

"Di Malaysia, ada sesetengah pihak yang enggan menjadi saksi bagi sesuatu kes dan ini menyukarkan pihak berkuasa seperti polis mengesan penjenayah untuk diambil tindakan mengikut undang-undang negara," katanya pada Majlis Makan Malam Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di sini, hari ini.

Dr Mahathir adalah penaung MCPF. Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi MCPF, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menerima sumbangan daripada syarikat korporat bagi MCPF, berjumlah kira-kira RM2.3 juta.

Antara syarikat korporat yang memberi sumbangan ialah Petronas, Resort World Berhad, Arab Malaysia Group dan Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB).

MCPF ditubuhkan pada 12 Januari 1993 bertujuan meningkatkan usaha dan kesedaran dalam pencegahan jenayah serta pemulihan pesalah melalui tinjauan, penyelidikan dan program lain atas dasar kesejahteraan.

Yayasan itu juga bertanggungjawab memberi kesedaran dengan kerjasama kerajaan dan swasta bagi menjalankan aktiviti pencegahan jenayah.

Majlis makan malam itu turut memberi penghargaan kepada tiga tokoh yang banyak berjasa kepada MCPF.

Mereka ialah Datuk Lee Lam Thye, Datuk William Lim Wie Tee dan Hassan Othman. Ketiga-tiganya mendapat Anugerah Khidmat Cemerlang MCPF bagi kategori inidividu, manakala Petronas memenangnya bagi kategori korporat.

Pada majlis itu, Dr Mahathir yang diiringi isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut menyampaikan sebuah lagu berjudul Come Back To Sorentto. Lagu itu berjaya mendapat sumbangan RM350,000 untuk mengisi tabung MCPF.

(END)